

# PSRM sokong politik Malaysia

PULAU PINANG, Selasa — Pengerusi Kebangsaan Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), Encik Kassim Ahmad menyokong penuh kenyataan Perdana Menteri

Dr Mahathir Mohamad bahawa politik Malaysia mengamalkan dialog, tidak politik dialog, tidak politik emosi atau keganasan.

Bellau mensifatkan kenyataan Per-

dana Menteri itu adalah rasional dan wajar untuk mencaip matlamat perpaduan nasional.

"Saya harap kerajaan mengamalkan politik dialog ini secara dua hala iaitu sedia menerima kritikan yang membina dan mengambil langkah membetul-

kan kesilapan dan penyelewengan yang mungkin berlaku", jelasnya lagi.

Katanya, dengan mengamalkan politik dialog ini, projek pembangunan boleh dilaksanakan dengan jaya untuk kesejahteraan rakyat.

Perdana Menteri dalam ucapannya merasmikan Perisidangan

Agung MIC Selangor baru-baru ini berkata, negara tidak memerlukan jenis politik sensasi atau keganasan.

Bellau sebaliknya menegaskan bahawa politik Malaysia adalah politik rundingan dan dialog yang mengutamakan akal fikiran dari emosi dan sensasi.

Pemimpin PSRM itu berkata, politik secara konfrontasi seperti yang wujud tahun 60-an lalu banyak menimbulkan kesan-kesan negatif kepada rakyat berbilang kaum.

"Saya berharap menerusi politik dialog setiap golongan rakyat akan diberi peluang mengemukakan pandangan, mengemukakan secara membina tentang dasar-dasar dan projek kerajaan. Saya juga berharap pandangan dan teguran rakyat itu diambil kira", tambahnya.

Bellau berharap supaya semua pihak, khususnya pemimpin-pemimpin politik dan wakil-wakil rakyat mengamalkan politik dialog untuk kebajikan rakyat dan kesejahteraan negara.

Mengenal penyerapan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran, Encik Kassim berkata, usaha itu cukup baik dan berkesan.

"Saya harap projek Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) sebagai pembuka jalan ke arah itu", jelasnya.

Encik Kassim juga mengakui beberapa perkembangan baik yang wujud dalam pentadbiran kerajaan sekarang termasuk dasar pandang ke Timur." Saya juga mengalu-alukan pentadbiran Mahathir berdasarkan konsep bersih, cekap dan amanah", tambahnya.

Bellau berharap, kerajaan akan terus berusaha mengatasi masalah kemiskinan. "orang-orang yang miskin masih ramai termasuk di kawasan-kawasan setinggan di bandar-bandar besar. Kerajaan harus memandangkan serius usaha menghapuskan kemiskinan ini", tegasnya.

Encik Kassim juga memuji langkah kerajaan negeri menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) yang matlamatnya boleh memberi faedah kepada rakyat Bumiputera.

Tetapi, kata bellau, kerajaan Perda terletak kepada pegawai-pegawai yang mentadbirkan Perda khususnya yang mengendalikan sistem pertanian dan perumahan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia